

14/07/1997

Laporan mingguan BSKL

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka meneruskan lantunan minggu ini berikutan kenyataan menggalakkan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penasihat ekonomi kerajaan, Tun Daim Zainuddin, Khamis lalu.

Penganalisis meramalkan Indeks Komposit (IK) akan naik kira-kira 100 mata minggu depan. Pada Jumaat, IK meningkat 9.09 mata dan ditutup pada 1,017.61. Bagaimanapun, beliau menjangkakan lantunan IK tidak bertahan lama.

Indeks Papan Kedua dijangka lemah atas kekurangan minat dengan kecenderungan untuk jatuh ke paras 500 mata.

Terdapat beberapa faktor yang mungkin memberi kesan ke atas bursa tempatan.

Bayangan Bank Negara Malaysia untuk terus mengetatkan lagi kewangan selepas tindakan menghadkan pinjaman terhadap pembelian saham dan pasaran hartanah pada Mac lalu terus membimbangkan pengurus dana asing.

Faktor negatif lain adalah kekurangan insentif asas untuk mendorong pengurus dana asing kembali semula ke bursa tempatan.

Kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada 22 Julai ini mungkin mencetuskan keyakinan dalam bursa tempatan.

Minggu lalu, sentimen menurun membayangi pasaran sejak Isnin berikutan laporan penurunan nilai baht Thailand dan kenaikan kadar faedah Malaysia yang menyebabkan pelabur terutama pengurus dana asing menjauhkan diri daripada pasaran.

Pada Khamis, IK jatuh 24.74 mata kepada 1,008.52 yang mana ia mencatatkan penurunan baru setahun setengah. IK jatuh 24.53 mata kepada 1,033.24 pada hari sebelumnya. Pada pagi Jumaat, pasaran dibayangi berita penurunan nilai peso Filipina.

Namun, petunjuk negatif itu berkurangan apabila bursa tempatan membuat lantunan pada Jumaat jam 3.18 petang berikutan kenyataan Anwar dan Daim.

Minggu lalu, IK jatuh 55.70 mata kepada 1,017.61 manakala Indeks EMAS merosot 14.85 mata kepada 287.79. Indeks Perusahaan menjunam kepada 1,991.19, merosot 80.75 mata manakala indeks Papan Kedua menyusut 8.48 mata kepada 548.46.

Di kalangan kaunter aktif minggu lalu, Berjaya Industries jatuh empat sen kepada RM2.91 dengan 86.743 juta saham diniagakan, Taiping turun 46 sen kepada RM3.20 dengan 70.878 juta saham diniagakan, Puncak Niaga tidak berubah pada RM4.22 dengan 32.053 juta saham diniagakan, MBf Capital jatuh 40 sen kepada RM4.26 dengan 28.424 juta dan TCB-T merosot 12 sen kepada RM1.23 dengan RM27.435 juta saham diniagakan.

Magnum susut 38 sen kepada RM3.38 dengan 26.049 juta saham diniagakan, Pohmay jatuh 30 sen kepada RM11.60 dengan 25.510 juta saham, Renong merosot 24 sen kepada RM3.06 dengan 24.800 juta saham, Chase Perdana turun RM3.50 kepada RM19.50 dengan 20.872 juta saham, manakala RHB Capital jatuh 95 sen kepada RM6.70 dengan 19.075 juta saham diniagakan.

Syarikat Binaan Budi Sawmill, yang membuat kemunculan sulung di Papan Kedua pada Isnin lalu ditutup RM6.50 pada minggu lalu. Harga tawaran permulaannya adalah pada RM3.10.

Di Papan Utama, Puncak Niaga yang membuat kemunculan sulung pada Selasa dengan harga tawaran permulaan RM3.80 ditutup RM4.22 pada minggu lalu. Manakala Chin Foh yang membuat kemunculan sulung di Papan Kedua pada Rabu dengan tawaran permulaan RM2.80, ditutup RM6.80.

Perolehan mingguan Papan Utama meningkat kepada 1.129 bilion saham

bernilai RM6.029 bilion.

Keluaran pengguna menyumbang kepada 134.998 juta saham diniagakan, industri 144.722 juta, pembinaan 91.204 juta, perdagangan/perkhidmatan 196.055 juta, prasarana 40.115 juta, kewangan 166.524 juta, hotel 31.944 juta, harta 164.400 juta, peladangan 48.985 juta, perlombongan 4.437 juta, amanah 1.354 juta, dana tertutup 2.436 juta, pinjaman 20.984 juta dan waran panggilan 73.960 juta.

Perolehan Papan Kedua jatuh kepada 258.915 juta saham bernilai RM3.194 bilion.

Dagangan langsung berada pada 227.939 juta saham bernilai RM1.664 bilion. - Bernama

(END)